

SEMINAR  
TUNTUTAN PROFESIONALISME KINI  
PENDEKATAN ISLAM  
(1-2 Disember 1986)

UCAPUTAMA

oleh

PROF. DR. MOHD. KAMAL HASSAN  
MARKAZ ILMU TERAS  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

Anjuran  
BADAN PERUNDING ISLAM  
dengan kerjasama  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

di  
IPPN, Sri Layang  
Pahang Darulmakmur

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
وَبِهِ نَسْتَعِیْنُ

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَیْ أَشْرَفِ  
الْأَنْبِیَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَیِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَیْ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِیْنَ

Tuan Pengerusi, Tan Sri, Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan rasa terima kasih yang tak terhingganya kepada pihak penganjur yang telah sudi menjemput saya untuk menghadiri Seminar Kefahaman dan Penghayatan Islam yang bersejarah ini. Memandangkan kedudukan saya sebagai seorang ahli akademik biasa yang tidak mempunyai latar belakang atau pengalaman dalam bidang pentadbiran atau pengurusan, selain apa yang berkaitan dengan urusan universiti, maka undangan yang disampaikan kepada saya supaya memberikan ucapan pada pagi ini merupakan suatu penghormatan yang luar biasa kepada seorang insan yang kerdil seperti saya ini. Namun saya memberanikan diri menerima undangan ini kerana ia membuka peluang komunikasi bersemuka dan penuh mesra antara kita golongan profesional yang hidup dalam dunia masing-masing dengan anggapan-anggapan, stereotype-stereotype dan gaya hidup-gaya hidup tertentu. Maka dengan rasa rendah diri dan harapan agar tuan-tuan sedia memaafkan dan membetulkan sebarang kesilapan tutur kata dalam ucapan ini, izinkan saya mengemukakan beberapa buah pandangan berhubung dengan tema seminar ini; iaitu "Tuntutan Profesionalisme Kini: Pendekatan Sekular dan Islam".

---

\* Teks Ucapan yang disampaikan dalam Seminar Kefahaman dan Penghayatan Islam pada 1 - 2 Disember 1986 di Institut Pengurusan dan Pendidikan Negara (IPPN), Sri Layang, Genting Highlands.

### 1. Perlunya Profesionalisme Dipertingkatkan

Sudah menjadi lumrah kepada pemimpin sesuatu pentadbiran atau pengurusan menekankan betapa perlunya anggota-anggota institusi atau organisasi berkenaan benar-benar menghayati profesionalisme apabila didapati adanya tanda-tanda kemerosotan disiplin, kelemahan sikap, penyelewengan-penyelewengan dari tugas dan hasil-hasil yang tidak memuaskan. Kepimpinan dan pengurusan memang wajar menuntut peningkatan profesionalisme kerana dengan adanya sikap dan amalan yang profesional dari atas sampai ke bawah, matlamat dan objektif organisasi awam atau swasta akan tercapai dengan sebaik-baiknya. Dengan kata lain profesionalisme bererti kesetiaan yang tinggi kepada tujuan-tujuan yang telah ditetapkan berserta dengan peraturan, "job-specification" dan ethika kerja yang diterima dengan penuh dedikasi sehingga kepentingan-kepentingan lain bercanggah dengan etika kerja dan tujuan-tujuan tersebut tidak sedikit pun berperanan di dalam organisasi, atau paling tidak, ia tidak mengancam kecekapan dalam menjalankan tugas dan pencapaian tujuan-tujuan utama itu. Terlalu banyak kes-kes dari zaman lampau dan masa kini yang menunjukkan betapa besarnya bahaya yang timbul dari kewujudan konflik antara kepentingan pribadi dengan kepentingan tugas rasmi. Desakan orang ramai masa kini supaya perniagaan jangan dicampur adukkan dengan pentadbiran dan politik terbit dari kebimbangan yang wajar bahawa dalam keadaan-keadaan tertentu seseorang mungkin tak mampu lagi mengharmoniskan kedua-dua tuntutan itu. Skandal-skandal pun menjadi heboh di masa kini lantaran ketidakupayaan seseorang mengatasi krisis-krisis dalaman berlaku pada saat-saat pertelingkahan kepentingan itu mula bercambah dan membesar

### Konsep Profesionalisme Dari Tamadun Sekular

Kecekapan, rasa tanggungjawab yang tinggi, dedikasi, pengorbanan kepentingan-kepentingan diri, dalam menjalankan tugas sebagai suatu amanah suci dan kesetiaan kepada tujuan-tujuan pentadbiran lengkap dengan penghayatan ethika kerja cemerlang adalah di antara ciri-ciri profesionalisme yang dituntut dari pegawai-pegawai. Tetapi oleh kerana konsep profesionalisme dari tamadun sekular dibebaskan dari nilai-nilai agama, maka ia boleh menjadi alat untuk mencapai tujuan-tujuan yang baik atau tidak baik. Anggota-anggota polis, umpamanya, harus mempunyai kesedaran profesionalisme yang tinggi dalam mencegah jenayah dalam masyarakat, tetapi anggota kumpulan "organized crime" seperti Mafia di U.S.A. pun dituntut supaya bersikap profesional dalam menjalankan tugas-tugas jenayah mereka. Dari kaca mata Islam ada tuntutan profesionalisme yang sah dan wajar dipenuhi kerana ia tidak bertentangan dengan ajaran agama dan ada tuntutan profesionalisme yang tidak sah dan tidak wajar dipenuhi seperti profesionalisme penjenayah, pembunuh, perogol, pelacur, perasuah, peminta sedekah, pembuat fitnah, penipu dan sebagainya.

Tuntutan profesionalisme atau kecemerlangan seperti perlunya kemahiran-kemahiran baru dikuasai, teknologi-teknologi baru diperolehi, perubahan sikap dari negatif kepada yang positif dan penambahan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan bidang tugas ditingkatkan terus menerus dalam konteks budaya kerja yang sekular tidak dikaitkan dengan pantang larang keagamaan atau tujuan-tujuan keagamaan yang mengatasi kepentingan diri, golongan, institusi, organisasi atau negara. Jadi, tingkah laku manusia profesional tidak tertakluk kepada nilai-nilai agama dan kerohanian tetapi ter-

takluk kepada kod ethika masing-masing. Dengan adanya sokongan sistem ganjaran yang bersifat sekular dorongan ke arah kecemerlangan dan motivasi untuk meningkatkan mutu profesionalisme terbatas kepada natijah-natijah dan akibat-akibat yang dikenakan oleh pihak yang berkuasa di dunia sahaja. Sistem penanggungjawaban (accountability)nya pun terbatas kepada kekuasaan manusia yang berada di atas dalam hirarki kepimpinan. Mereka yang masih mempunyai disiplin kawalan diri yang kuat dan motivasi yang lohor atau yang masih merasa puas hati dengan sistem ganjaran yang wujud itu tidak akan cuba mengkhianati kepentingan organisasi/institusi. Tetapi bagi mereka yang tamak, hasad dengki, tidak tahan melawan hawa nafsu, dan merasa ada peluang untuk memenuhi kepentingan diri sendiri dengan cara yang kelihatan "legal" tetapi "immoral" akan mencari jalan untuk mengelak dari jaringan accountability kepada manusia. Percubaan manusia profesional untuk mengelak dari membayar cukai pendapatan dengan cara yang "legal" dalam dunia hari ini adalah satu contoh yang jelas tentang kurang berkesannya kod ethika profesional dan sistem ganjaran keduniaan. Paradox dalam profesionalisme ala sekular ialah berlakunya kes-kes kecurangan yang sofistikated dengan perancangan dan penglibatan orang-orang yang amat arif, mahir dan berpengalaman lama dalam profesion. Jelaslah bahawa kelemahan yang paling besar dalam profesionalisme dalam tamadun sekular ialah tidak kukuhnya asas akhlak atau rapuhnya kesedaran moral di bawah tekanan faktor-faktor keduniaan dan kepentingan kebendaan semata-mata.

Dengan memisahkan kesedaran agama dari pekerjaan dan profesion, mudahlah pandangan-pandangan berikut mempengaruhi sikap, tingkah laku dan perasaan para profesional.

- a) Wujudnya dichotomi antara undang-undang (law) dan akhlak (morality) dan antara dunia dan akhirat.
- b) Tidak ada ukuran buruk baik yang mutlak. Semua nilai moral-agama adalah relatif.
- c) Kelakuan bermoral (moral behaviour) mestilah ikut keadaan (situational), tempat, masa dan lingkungan.
- d) Hidup hanya sekali, jadi sebelum mati biarlah berjaya menikmati kemewahan dan kemegahan dunia.
- e) Kalau orang lain yang tidak beragama dengan betul boleh mencapai kesenangan, kenapa kita tidak boleh.
- f) Agama menghambat kemajuan.
- g) Agama ialah urusan pribadi yang berkaitan hanya dengan beberapa upacara ritual di tempat-tempat tertentu dan pada masa-masa yang tertentu untuk tujuan-tujuan kerohanian semata-mata.

Apabila pribadi para profesional sudah dipengaruhi oleh pandangan-pandangan dan konsep-konsep di atas -- yang sebenarnya berpunca dari persepsi manusia Barat yang telah memberontak terhadap kuasa dan dominasi Gereja dalam sejarah Eropah -- maka nilai-nilai seperti Bersih, Cekap dan Amanah akan mempunyai pengertian keduniaan sahaja dengan motivasi keduniaan, relevansi keduniaan, time-frame keduniaan, accountability keduniaan, pengukuhan (reinforcement) keduniaan, sistem ganjaran keduniaan, penilaian (evaluation) keduniaan, pengawasan dan penguatkuasaan keduniaan:

akan hanya dimengertikan sebagai amanah kepada manusia, Bersih sebagaimana yang dikehendaki oleh pemikiran bebas manusia dan Cekap sebagaimana yang ditentukan oleh pemikiran bebas manusia. Konsep

nilai disiplin pun akan mengalami nasib yang sama. Bila mana konsistensi antara niat, pengumuman dan pelaksanaan nilai-nilai tadi dalam jentera pentadbiran, organisasi atau institusi mula menjadi ketara, akibat dari ketidakupayaan beberapa orang pemimpin untuk mempertahankan imej yang bersih dan amanah di mata umum, atau kegagalan pihak berkuasa untuk mengekalkan rekod pemberian ganjaran yang adil, saksama dan tidak memilih bulu dalam menilai prestasi pekerjanya, maka keutuhan profesionalisme pun akan menjadi retak dan tergugat. Akhirnya integrity dan credibility kepimpinan atau para profesional menjadi tipis dan para pengikut mungkin menjadi golongan sinis. Pengajaran yang boleh kita simpulkan di sini ialah, peningkatan yang bersifat saintifik, teknikal dan teknologikal -- yang memang kita perlukan untuk memperbaiki taraf hidup manusia --

bermakna peningkatan dalam ketahanan moral-kerohanian kita. Seperti kata Professor M.V. Jeffreys (Personal Values in the Modern World, hal. 38 - 39):

"Our world is full of contradictions. If our problems were technical problems, there would be some reason for believing the millenium to be just around the corner. It is because all our important problems are fundamentally moral problems - and moral problems of which we can for the most part see no clear solution - that life in this age is so puzzling. Material standards of living were never worse.... We have unprecedented control over our material environment, and at the same time unprecedented anxiety about the possibility of rationally governing human behaviour"

Kita tidak bermaksud untuk menafikan atau memperkecilkan pelbagai jenis kemajuan yang dicapai oleh manusia moden melalui penggunaan akalunya yang dibebaskan dari pengaruh agama. Banyak sekali jenis-jenis kemahiran yang kini, ethika kerja yang cekap, tahan uji dan organisasi yang moden dan berkesan, kekreatifan dan

imaginasi aqliyah yang menyenangkan kehidupan, metodologi atau strategi yang up-to-date untuk mencapai kecemerlangan dalam sesuatu profesion dan perpindahan teknologi yang menguntungkan pengeluaran, yang perlu dikuasai oleh para profesional Muslim, tanpa mengira apakah ia datang dari Barat atau Timur. Yang kita kkuatiri dan menjadi risau ialah keaiban moral (moral decadence) dan rohani Manusia sekular sebagai jurumudi kemajuan masa kini. Sebagaimana yang disuarakan oleh Christopher Dawson (The Crisis of Western Education, hal. 169 - 194):

"We must face the fact that the vast expansion of man's external powers by science and technology which are the creation of human reason have done nothing to strengthen the power of reason in the moral order which is its proper domain. For the moral order and the technological order have become out of gear with one another, and as the technological order has advanced and become stronger, the moral order has grown weaker."

### 3. Tinjauan Ringkas Tentang Teori dan Amalan Pengurusan di Barat

Walaupun asas tamadun sekular, iaitu penolakan peranan dan kepentingan agama dalam pentadbiran dan pengurusan awam, tetap tidak berubah, namun pemikiran manusia di dalamnya tidak bersifat statis dan tidak puas-puas mencari bentuk dan makna yang memuaskan. Thomas J. Peters dan Robert H. Waterman Jr. dalam In Search of Excellence (New York: Harper & Row, 1982) menganalisis perkembangan dan perubahan teori pengurusan Barat dengan mengkritik The Rational Model yang menegaskan bahawa "Professionalism in Management is regularly equated with hard-headed rationality" (hal. 29) pada hal tingkah laku manusia dalam banyak hal tidak bersifat rasional. (Sila lihat juga tulisan Mohd. Affandi Hassan, "Pengurusan, Pentadbiran dan Kepimpinan dalam Pembinaan Tamadun Manusia"




Islamika, jld. 3, 1985 dan "Falsafah, Prinsip dan Amalan Pengurusan Masakini: Ke Arah Mencari Model Alternatif," 1985). Peters dan Waterman Jr. menjelaskan perubahan-perubahan itu dengan gambar ringkas rajah berikut:

Four Stages of Theory and Leading Theorists

	Closed System	Open System
Rational actor	I. 1900 - 1930 Weber Taylor	III. 1960 - 1970 Chandler Lawrence Lorsch
Social actor	II. 1930 - 1960 Mayo <u>et al</u> Mc Gregor Barnard Selznick	IV. 1970 - ? Weick March

Setelah mengalami tahap-tahap perkembangan pemikiran Barat tentang pengurusan, dari tahap pengurusan saintifik", kemudian tahap "pengurusan humanistik", kemudian tahap "pendekatan sistem", nampaknya kecenderungan pemikiran dekad 80an sekarang ialah penekanan terhadap "nilai-nilai bersama" atau "budaya" sebagai sumber motivasi pekerjaan dan kecemerlangan dalam sesuatu organisasi. Berdasarkan kepada Mc Kinsey 7-S Framework, iaitu kompleks yang berkait-mengait antara tujuh angkubah utama seperti Structure, Systems, Strategy, Skills, Staff, Style, dan Shared Values dalam mana-mana organisasi atau pentadbiran, Peters dan Waterman bersetuju bahawa angkubah-angkubah yang dipanggil "Soft Stuff" itulah seperti Shared Values, Style dan Skills yang perlu diberi perhatian sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah ini:



Perubahan-perubahan besar dalam teori kemanusiaan dan kemasyarakatan di Barat sebenarnya menunjukkan kelemahan-kelemahan asasi dalam andaian-andaian (theoretical assumptions/underpinning presuppositions) tentang hakikat dan sifat manusia. Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa sindrom "The Secular City" (Harvey Cox) sedang menghadapi suatu gejala yang dinamakan oleh Peter Berger (ahli sosiologi Amerika) sebagai "The Return of the Sacred"

Kita mengharapkan agar perubahan-perubahan dalam paradigm pemikiran sarjana-sarjana sekular Barat akan membawa mereka suatu hari kepada pengakuan bahawa manusia adalah kesatuan jasad, akal dan rūh dan bukan semata-mata gabungan body-mind. Pengakuan dan pengiktirafan tentang keutamaan hakikat kerohanian manusia sebagai hamba Allah yang menyebabkan pendekatan Islam kepada semua masalah kemasyarakatan, termasuk masalah profesionalisme, menjadi pendekatan yang jauh berbeda dengan pendekatan sekularisme, meskipun dalam hal-hal tertentu ia tidak bercanggah dengan beberapa kaedah dan pendapat yang terdapat dalam disiplin-disiplin sains kemasyarakatan kini.

#### 4. Pendekatan Islam

Sekiranya pendekatan sekular membenarkan para profesional berpegang teguh kepada "shared values" sesuatu organisasi tanpa mengambil kira sama ada ianya bercanggah atau tidak dengan sistem nilai yang lebih besar yang wujud di luar profesion, maka di dalam Islam kesetiaan kepada perintah Allah (s.w.t) dan Rasul (s.a.w) menjadi nilai utama yang mengatasi segala nilai-nilai lain yang wujud di dalam sesuatu sub-sistem atau sub-budaya. Kesetiaan dan komitment kepada kuasa yang mengatasi manusia dan alam sejagat ini mempunyai implikasi berikut kepada seorang profesional Muslim:

- (1) Ia berkhidmat untuk kebaikan manusia dengan tujuan mendapat keredhaan dan mengelakkan dari kemurkaan Allah (s.w.t). (Jadi matlamat pekerjaannya bukan bersifat keduniaan atau kebendaan).
- (2) Ia berkhidmat sebagai hamba Allah dan KhalifahNya dalam apa kapasiti sekalipun. Jadi nilai amanah kepadanya mencakup amanah kepada Allah dan skop amanah termasuk keseluruhan dirinya, ilmunya, hartanya dan kemahirannya).

Ia menjalankan tugasnya atas dasar Cibādah kepada Allah di samping menunaikan Cibādah-Cibādah khusus yang wajib dilakukan. (Jadi motivasi bekerjanya bukan lagi terikat kepada sistem ganjaran dunia sahaja tetapi balasan baik dan buruk di Hari Kemudian).

Accountabilitynya dan rasa tanggungjawabnya bukan sahaja kepada Ketuanya tetapi, yang lebih penting, kepada Allah di dunia dan di Akhirat. (Jadi di samping wujudnya sanction dalam dirinya sendiri untuk mencegahnya dari tindakan-tindakan yang bertentangan dengan undang-undang dan akhlak.

Ia mempunyai kod ethika yang lebih tinggi, lebih menyeluruh dan lebih tahan uji daripada kod ethika dalam profesionnya. Ia mengetahui bahawa musuh dalamannya yang besar ialah hawa nafsunya sendiri dan dorongan kesyaitanan yang sentiasa mencari kesempatannya. Ia sedar bahawa Allah mengetahui segala perbuatannya, yang terbuka dan yang

tersembunyi.

- (6) Hubungan kemesraan dengan manusia lain tidak akan didasarkan semata-mata kepada pangkat tetapi nilai-nilai kemanusiaan yang mengatasi perbezaan ras, warna, bahasa dan keturunan.

Oleh kerana kesetiaannya kepada sistem nilai yang transcendant, seorang profesional Muslim harus memastikan bahawa "shared values" di dalam organisasinya itu tidak bercanggah dengan sistem nilai yang utama (primary values) yang berdasarkan kepada prinsip kekuasaan llahi mengatasi kekuasaan manusia dan ketinggian wahyu mengatasi kebijaksanaan akal manusia. Ia harus berusaha supaya nilai-nilai utama organisasi itu sesuai dengan tuntutan imān dan taqwānya kepada Allah (s.w.t). Meskipun ia bukan seorang ahli agama atau pendakwah yang gigih, namun tuntutan imān dan taqwā tetap mempunyai kesan di atas tingkah lakunya sebagai profesional kerana iman dan taqwa bukan beroperasi di masjid sahaja. Baginya identiti sebagai hamba dan khalifah kepada Allah lebih unggul, lebih real dan tentu sekali lebih abadi dari identiti karier atau profesion.

##### 5. Kesan dari Iman dan Taqwa kepada Allah (s.w.t) Ke atas Disiplin Profesional

Keyakinan dan kesedaran yang mendalam tentang dirinya dan fungsinya di dunia sebagai petugas dan hamba kepada kehendak Allah dan RasulNya baik sebagai guru, ibu bapa, pegawai, pengurus, pentadbir, ahli politik, pemegang kuasa atau pedagang yang kemudian pasti akan diadili di hadapan TuanNya atas segala perbuatannya (yang terbuka dan yang tertutup) untuk menerima balasan kesenangan atau penderitaan yang kekal abadi, akan membentuk suatu pandangan hidup (world-view) di kalangan para pemimpin tadi yang antara lain,

menegaskan:

- (a) Bahawa hidup manusia mempunyai tujuan yang jauh lebih tinggi dari kesenangan di dunia yang sepatutnya dijadikan alat untuk mencapai keredhaan Allah
- Bahawa manusia, memikul amanah yang besar dari Penciptanya untuk mengatur urusan diri, keluarga, masyarakat dan negara sesuai dengan peraturan, hukum dan akhlak yang telah ditetapkan oleh Allah
- Bahawa sebaik-baik peraturan, hukum dan akhlak adalah yang ditentukan oleh Allah dan RasulNya melalui wahyu dan apa yang dihasilkan dari akal manusia mestilah sesuai dengan ketetapan ilahi
- (d) Bahawa ketaatan kepada segala suruhan Allah dan RasulNya memang sewajarnya menjadi ciri profesional yang sedar dan insaf akan mertabatnya yang sebenar. Ketaatan itulah punca keamanan dan keselamatan yang sebenar. (Sila lihat lampiran ayat-ayat Qur'an peri pentingnya taat kepada Allah dan Rasul)
- (e) Oleh kerana kuasa Allah dan hukumNya meliputi semua bidang kehidupan manusia, maka disiplin si profesional tidak hanya terhad kepada menjaga perlakuan yang betul dalam ibadah khusus, tetapi merangkumi seluruh bidang pekerjaannya. Demikianlah yang diteladani dan ditunjukkan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) dan Khalifah-khalifah al-Rashidun.
- Bahawa, menurut ajaran Nabi, semua orang adalah pemimpin dalam bidang tugasnya yang tertentu dan

kehidupannya merupakan suatu sistem kewajipan dan tanggungjawab.

- (g) Bahawa kewajipan dan tanggungjawab terbahagi kepada dua bahagian besar; tanggungjawab kepada Allah dan tanggungjawab kepada Makhluk (manusia dan bukan manusia). Oleh yang demikian disiplin yang sempurna dalam Islam bererti kesempurnaan tanggungjawab kepada Allah dan kepada makhluk dalam waktu yang sama.

Untuk menjalankan tanggungjawab dan kewajipan kepada Allah dan makhluk secara ikhlas dan penuh kerelaan hati, orang-orang yang memegang teraju kepimpinan dalam keluarga, organisasi, masyarakat dan negara sangat-sangat perlu kepada sifat taqwā kepada Allah kerana beban amanah dan tanggungjawabnya mempunyai implikasi dan kesan yang besar dan jauh dalam kehidupan sosio-ekonomi dan sosio-politik. Taqwā atau kesedaran rohani yang amat sensitif kepada keredhaan atau kemurkaan Allah di atas setiap perbuatannya, akan menjamin mutu disiplin diri yang tinggi dan lohor. Si pemimpin tidak akan hanya takut kepada undang-undang dan kemarahan rakyat sekiranya ia gagal menunaikan janjinya, atau menyalahgunakan kuasa, pangkat atau wang; ia lebih takut kepada Kuasa yang tidak dapat dilihat meskipun kelakuan buruknya tidak akan diketahui oleh sesiapa pun. Dengan menghayati ketaqwaan, seorang pemimpin akan mempunyai rasa tanggungjawab kepada Allah sebagai tanggungjawab yang paling tinggi dan absolute sama ada wujud atau tidak tanggungjawab kepada manusia yang lebih berkuasa. Di samping itu niatnya dalam berkhidmat dan menjalankan kewajipan akan menjadi lohor dan ikhlas; motivasinya lebih bersifat moral-kerohanian, matlamatnya yang terakhir ialah keredhaan Allah dan kebahagiaan di Hari Akhirat, bukan kepentingan

diri, sistem ganjaran dan deraannya bukan terikat kepada kebendaan atau luaran tetapi diwarnai juga oleh nilai pahala, dosa dan barakah; perbuatan serta tindak-tanduknya menjadi konsisten dan sentiasa terarah kepada matlamat terakhir yang transcendant tadi, pribadinya akan menjadi amanah dan bersih kerana sentiasa waspada terhadap larangan Allah dan balasan di Hari Akhirat yang ia yakini dengan sesungguhnya.

Apabila pribadi yang bertaqwa atau Mukmin dan Muttaqī ini dilengkapi dengan ilmu, latihan dan kemahiran dan sikap tertentu dalam profesion tertentu ia akan dengan mudah menjadi cekap, kerana kecekapan banyak bergantung kepada kemahiran, sikap dan ilmu pengetahuan yang berkenaan. Pribadi profesional yang menyatupadukan dalam dirinya Imān, Taqwā, Ilmu dan Kemahiran akan menjadi pengasas, penggerak dan contoh disiplin dalam apa lapangan karier yang ia ceburi -- perniagaan, politik, pentadbiran, keselamatan, pendidikan dan lain-lain. Kepimpinan yang sekular cuma mementingkan kelengkapan ilmu, sikap, kemahiran dan pengalaman dengan mengasingkan kelengkapan imān dan taqwā. Kalaupun ia mempunyai kepercayaan dan keyakinan, sasarannya bukan kepada Allah, Rasul atau Hari Pembalasan tetapi mana-mana ideologi atau falsafah keduniaan yang ia anuti seperti Materialisme, Pragmatisme, Kapitalisme, Marxisme, Sosialisme, Humanisme Sekular, Atheisme, Liberalisme Zionisme, Nasionalisme atau Feudalisme. Pada lahirnya ia mungkin sangat berdisiplin terhadap manusia tetapi pada hakikatnya ia amat biadab terhadap Allah dan RasulNya. Ini adalah suatu krisis dalam tamadun masa kini.

#### 6. Pengukuhan Kecemerlangan Profesion Melalui Ibadah

Kecemerlangan pada dasarnya menuntut banyak pengorbanan seperti pengorbanan kepentingan dan kehendak diri demi kesejahteraan



ramai, pengorbanan masa, tenaga dan harta untuk mencapai tujuan-tujuan kemaslahatan masyarakat, moral dan agama. Dalam masyarakat sekular, pengorbanan diri untuk mencapai ketertiban awam biasanya dicapai melalui kawalan undang-undang, adat dan peraturan dalam organisasi. Islam bukan sahaja menggariskan asas-asas kepercayaan yang betul (Aqīdah) untuk mendisiplinkan akal dan hati manusia tetapi meletakkan hukum untuk mengawal ketertiban disiplin dalam hubungan dengan Allah melalui ibadah khusus seperti solat, zakat, puasa dan haji dan ketertiban dalam hubungan antara manusia.

Melalui ibadah khusus, profesional yang berpribadi Mukmin dan Muttaqī itu bukan sahaja mempunyai saluran komunikasi yang intim dengan Tuhannya dan Pemiliknya untuk menyuburkan dan membersihkan jiwanya dari kekotoran hawa nafsu tetapi juga suatu sistem latihan untuk pengorbanan harta (melalui zakat, haji dan puasa), pengorbanan masa (melalui solat, haji dan puasa), pengorbanan ego, pangkat dan status (melalui solat dan haji), pengorbanan kepentingan diri (melalui ibadah seluruhnya), disiplin sosial (melalui solat jamaah, zakat dan haji), disiplin akal, hati dan badan melalui solat, puasa dan haji).

Dengan berdasarkan konsep ibadah yang luas, ia meluaskan cakrawala disiplin dirinya kepada bidang perekonomian, pentadbiran, pemerintahan dan sebagainya dengan menjaga hukum, peraturan dan akhlak yang ditetapkan oleh Islam. Malah dengan amalan ibadah khusus yang konsisten dan ikhlas, hasil dari penghayatan sifat taqwa, seorang profesional tidak akan mudah dipengaruhi oleh godaan minuman keras judi, wanita, pangkat dan wang ringgit yang sering menumbangkan akal-bakal pemimpin atau menjatuhkan pemimpin dari tahta pemerintahannya. Sebab itu Allah berfirman:

ان الصلوة تنهى عن الفحشاء والمنكر ولذكر الله اكبر

"Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain)."

(S. al-<sup>c</sup>Ankabūt [29] : 45)

Jadi solat yang sesungguhnya mempunyai implikasi disiplin yang luas kerana ia mampu mencegah perbuatan jahat dan biadab dalam bidang pentadbiran, pemerintahan, perdagangan dan kemasyarakatan. Begitu juga dengan ibadah-ibadah yang lain. Semangat ibadah sesungguhnya harus diperluaskan kepada bidang-bidang itu untuk memperkukuhkan disiplin dan keselamatan dalam hidup bermasyarakat dan bernegara. Bagi seorang Mukmin yang sedar akan dirinya sebagai hamba Allah mudahlah ia menerapkan konsep dan semangat ibadah ini dalam pekerjaannya walaupun sistem sekular tidak mengiktiraf hal ini

Kesan daripada penghayatan konsep ibadah yang luas ini akan terpancar dalam tingkah laku dan sikap yang tegas terhadap sebarang pelanggaran hukum, perbuatan yang haram, percakapan yang tidak berguna, perancangan yang merugikan, rasuah dan penyelewengan dalam kelompok sendiri, perbelanjaan wang rakyat untuk kepentingan diri atau projek-projek yang membazir, tindakan yang tidak adil, kelakuan yang tidak sopan atau cara hidup yang tidak menunjukkan kesyukuran terhadap ni<sup>c</sup>mat Allah (s.w.t).

#### 7. Penguatan Kecemerlangan Melalui Hukum, Institusi dan Akhlak

Ketiadaan garis pemisah yang jelas ataupun garis yang sentiasa berubah atau relatif antara buruk dan baik dalam masyarakat moden yang menggalakkan sikap moral relativism atau situational ethics adalah satu faktor yang menyebabkan disiplin masyarakat men-

jadi amat berbeda dari satu tempat ke satu tempat atau dari satu negara ke satu negara

Di dalam tamadun Islam, disiplin keagamaanlah, melalui hukum Allah, yang mempengaruhi dan menyatukan semua jenis disiplin dalam sub-sistem masyarakat. Kejayaan hukum Allah dan sistem keadilanNya dalam mencegah jenayah terhadap Allah dan terhadap manusia, dalam sejarah Islam dan di negara-negara di mana ia dilaksanakan berbanding dengan besarnya kadar jenayah berat di masyarakat Barat (berhubung dengan kes rogol, minuman keras, diskriminasi ras, judi, pembunuhan diri, pelacuran, organized crime di Amerika Syarikat, Itali dan Jepun, rompakan bank secara besar-besaran, tindakan perindustrian secara haram, manipulasi pasaran dan lain-lain) patut membuka jalan kepada sikap para profesional yang lebih positif terhadap keberkesanan hukum Allah dalam mengawal disiplin masyarakat moden mengenai harta, nyawa, kemuliaan keturunan dan agama

Di samping institusi hukum dan pemerintahan, institusi-  
pendidikanlah secara formal dan tak formal yang telah bertanggungjawab dalam membentuk masyarakat yang amanah terhadap Allah dan terhadap manusia. Di bawah naungan falsafah pendidikan Islam yang menyatukan ilmu naqli (revealed knowledge) dengan ilmu 'aqli (acquired knowledge), hati dengan akal, dunia dengan akhirat, jasad dengan ruh dan agama dengan sains, pribadi yang terbit dari sistem pendidikan yang sepadu itu mengamalkan ilmu dan kemahiran yang ia perolehi dengan berpandukan kepada kebijaksanaan yang diwahyukan.

Dengan demikian seorang yang mempunyai ilmu kemahiran yang tinggi nilai kegunaannya umumnya tidak merasa dirinya dan akalnya terlepas dari kewibawaan agama Allah. Ia tidak menjadi angkuh (intellectually arrogant) dan biadab terhadap Allah seperti yang ber-

laku kepada setengah para profesional yang mendalami ilmu keduniaan tanpa mengambil kira tuntutan dari agamanya. Ia mungkin amat bersikap profesional dalam kajian-kajian ilmiahnya, tetapi ia belum tentu tunduk kepada peraturan dan hukum Allah dalam kehidupannya secara umum. Dengan kata lain, ia belum didisiplinkan oleh agama. Malah, kalau boleh ia mahu mendisiplinkan agama supaya patuh kepada hasil pemikiran akalnya yang dipercayainya sebagai alat yang paling rasional dan mampu mencari kebenaran tanpa wahyu. Ini merupakan masalah disiplin ilmiah atau intelektual yang dapat diperbetulkan dengan mengenali batas kemampuan diri, kedudukan akal dan wahyu dan bagaimana ia disatukan dalam tamadun Islam.

Adab mencari ilmu atau disiplin ilmiah termasuk di dalam akhlak mulia yang diajar oleh agama Islam dan diwarisi zaman berzaman. Adab itu menyentuh aspek niat dalam mencari ilmu, motivasi dan matlamat kegunaannya, sifat guru dan sifat murid yang sejati, hakikat ilmu yang sejati, hiraki ilmu, jenis-jenis ilmu, cara hidup para ilmuan dan tanggungjawab agama dan sosial yang dipikul oleh para ilmuan. Dari penghayatan adab-adab itu akan muncullah watak ilmuan dan profesional sejati yang dikehendaki oleh Allah (s.w.t) iaitu:

انما يخشى الله من عباده العلماء

"Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambanya ialah para ilmuan."

(S. al-Fātir [35] : 28)

Dengan sifat itu ia akan menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dicapai untuk membangun diri (bukan membesar diri), alam sekitar masyarakat dan negara sesuai dengan tuntutan Allah (s.w.t) Ia akan dapat membedakan antara ilmu yang sebenar dengan hasutan

hawa nafsu yang memakai jubah ilmiah atau jubah saintifik. Ia juga akan merasa rendah diri dengan ilmu yang ia perolehi kerana ia sedar akan kekerdilan otaknya dibandingkan dengan ilmu Allah.

Disiplin ilmiah dalam Islam bererti, antara lain, mengenal akal dan keupayaan fikiran manusia di bawah keluasan ilmu Allah yang tak terbatas dan mengkagumkan itu di samping mengenali qudrah iradah Nya dalam alam semesta dan ini mempunyai implikasi yang jauh dalam semua lapangan pembangunan negara dan tamadun. Termasuk di dalam disiplin ilmiah Islam ialah menjaga adab pertuturan dan penulisan yang menghendaki agar kita tidak bercakap atau menghebohkan secara lisan atau tulisan sesuatu yang kita tidak tahu secara pasti

#### 8. Tuntutan Pembersihan Hati Golongan Profesional

Berdasarkan kepada a) ajaran Islam bahawa kunci keselamatan dan kecelakaan hidup manusia berada di dalam dirinya seperti yang dijelaskan di dalam al-Qur'an

ونفس وما سورها فإلهمها فجورها وتقورها  
قد أفلح من زكها وقد خاب من دسها

"Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaan, sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya."

(S. al-Shams [91] : 7-10)

dan b) keikhlasan merupakan syarat utama dalam beragama (sila lihat al-Qur'an 39:2, ; 98:5; 15:40, 74, 128, 169), maka kesejahteraan luaran akan banyak bergantung kepada kesucian dalaman, atau kesucian hati manusia dari "penyakit-penyakit" batinnya seperti rasa tamak, hasad dengki, iri hati, takabbur, riya', rasa taajub dengan diri sendiri, mabuk kuasa, pangkat, harta, kebesaran, hawa nafsu

ian sebagainya. Penyakit-penyakit dalaman inilah yang menjadi punca utama kepada kelakuan yang melanggar kesopanan, adab, peraturan dan kod ethika profesional dan hukum di samping faktor-faktor sosio-budaya, sosio-politik, dan sosio-ekonomi.

Aspek disiplin batin atau disiplin kerohanian ini mendapat perhatian yang khusus dan utama dalam agama dan tamadun Islam. Melaluinya dapatlah kita mengenal pasti penyakit-penyakit dalam hati atau "stress-related diseases" dan mempelajari cara-cara mengatasinya. Ilmu psikologi kerohanian Islam ini amat berguna dalam mengatasi krisis-krisis dalaman dan godaan hawa nafsu kerana ia menyentuh hakikat kerohanian insan yang sama sekali terabai dan tersisih dalam budaya profesional sekular yang tidak mahu mengiktiraf dan mengakui kewujudan serta peranan rūh dan nafs dalam tingkah laku manusia.

Dengan memahami hakikat kerohanian manusia dan cara-cara menjaga kesuciannya, si profesional Muslim akan mengetahui apa sebenarnya matlamat hidup, apa sebenarnya yang ia perlukan untuk mencapai kesejahteraan yang hakiki, apa sebenarnya yang menghindarinya, siapa sebenarnya rakan dan siapa lawan. Amalan-amalan ibadah khusus dan penghayatan dhikrullāh sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah dan diwarisi oleh para ilmuan agama akan menjadi sebahagian yang penting daripada cara hidupnya sambil ia mencurahkan tenaganya untuk membangun ekonomi, politik, budaya dan masyarakat. Amalan-amalan itulah yang akan memperkuat daya tahannya dalam menghadapi pengaruh-pengaruh kebendaan dan keduniaan yang sentiasa melanda diri kita untuk mencari saat-saat kelemahan kita supaya kita tidak mengabdikan diri kepada Allah dengan seikhlas-ikhlasnya. Pertahanan dalamanlah yang perlu diperkuatkan di samping kita ber-

usaha memperbaiki faktor-faktor luaran untuk menjamin mutu kecemerlangan dalam pengertian yang seluas-luasnya.

Wa'Llahu a<sup>c</sup>lam

## APPENDIX

Introduction to Caliph Ali's letter of appointment  
to Malik Ashter, Governor designate of Egypt.

KOOFAH  
37 A. H./658 A. D.

FROM

ALI IBN ABU TALIB  
a servant of Allah

To

MALIK IBN HARIS ASHTER  
Governor designate of Egypt

MALIK,

I order you to fear Allah. Prefer Allah and His way to everything else in life. Give priority to His worship and remembrance. Obey Allah faithfully. Follow the Quranic commandments and traditions of our Prophet carefully. Allah's grace and bounties here and in the life after death depend on following these commandments. Those who violate shall be perpetually accursed. Failure to follow Divine commandments will end in total failure in this life and in the life hereafter. Therefore, you must stand by Divine principles, support Divine cause and honour the dictates. Thus alone you will be entitled to Divine help, bliss and grace.

### Self-Restraint<sup>1</sup>

I order you Malik, to use your head and heart, hand and tongue, your whole entity to help Allah, i.e., His cause and creatures. Allah commands you to keep your passions and desires under control, to hold your 'Self' and 'Ego' under restraint particularly when extravagant yearning and cravings tend to drive you towards wickedness and sin. Your 'Self' and its urges try to incite, coerce, and drag you towards infamy and disgrace.

### Vigilant People

Malik, I am sending you as Governor to a country which, in the past, had seen Governments just and unjust, benign and tyrannical, cruel and merciful, oppressive and kind.

<sup>1</sup> There were no sub-headings in the original letter.



APPENDIX II

Beberapa ayat al-Qur'an mengenai disiplin terhadap Allah dan Rasul, kewajiban taat kepada kedua-duanya, dan kesan disiplin itu dalam kehidupan manusia dan masyarakat.

152. Dan sesungguhnya Allah telah memenuhi janji-Nya kepada kamu, ketika kamu membunuh mereka dengan izin-Nya sampai pada sa'at kamu lemah dan berselisih dalam urusan itu<sup>237)</sup> dan mendurhakai perintah (Rasul) sesudah Allah memperlihatkan kepadamu apa yang kamu sukai<sup>238)</sup>. Di antaramu ada orang yang menghendaki dunia dan di antara kamu ada orang yang menghendaki akhirat. Kemudian Allah memalingkan kamu dari mereka<sup>239)</sup> untuk menguji kamu; dan sesungguhnya Allah telah mema'afkan kamu. Dan Allah mempunyai karunia (yang dilimpahkan) atas orang-orang yang beriman.
- ﴿۱۵۲﴾ وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذْ تَحَضَّرْتَهُمْ  
 بِأُذُنٍ مُّسْتَمِئَةٍ إِذْ أَنبَأْتَهُمْ وَتَشْرَعُونَ فِي الْأَمْرِ  
 وَعَصَيْتَهُمْ مِنْ بَعْدِ مَا أَرْسَلَكُمْ مَا يُثْبِتُونَ مِنْكُمْ  
 مَنْ تَشَاءُ فِي الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الْآخِرَةَ ثُمَّ صَرَّفَكُمْ  
 عَنْهُمْ لِيَبْلِيَكُمْ وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ  
 عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿۱۵۲﴾
- [S. āli 'Imrān (3)]

59. Hai orang-orang yang beriman, ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Qur'ān) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.
- ﴿۵۹﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اطِيعُوا اللَّهَ وَاطِيعُوا الرَّسُولَ  
 وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَشَجَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى  
 اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
 الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿۵۹﴾
- [S. al-Nisā' (4)]

64. Dan Kami tidak mengutus seseorang rasul, melainkan untuk dita'ati dengan izin Allah. Sesungguhnya jika ia mereka ketika menganiaya dirinya<sup>113)</sup> datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulpun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapatkan Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.
- ﴿۶۴﴾ وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا يَبْتَغِي بِإِذْنِ اللَّهِ وَلَوْ  
 أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ  
 وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا ﴿۶۴﴾
- [S. al-Nisā' (4)]

66. Dan sesungguhnya kalau Kami perintahkan kepada mereka: "Bunuhlah dirimu atau keluarlah kamu dari kampungmu", niscaya mereka tidak akan melakukannya, kecuali sebagian kecil dari mereka. Dan sesungguhnya kalau mereka melaksanakan pelajaran yang diberikan kepada mereka, tentulah hal yang demikian itu lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman mereka),
- ﴿۶۶﴾ وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنِ اقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ  
 أَوْ ائْتُوا مِنْ دُونِ دِيَارِكُمْ فَذَلِكُمْ لَآتِي بِكُلِّ مِثْمَةٍ  
 وَلَوْ أَنَّهُمْ قَتَلُوا مَا يُؤْتَوْنَ لَوَجَدُوا رَبَّهُمْ كَرِيمًا  
 لَّئِن لَّمْ يَفْعَلُوا لَإِنَّهُمْ لَأَبْغَاءٌ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ  
 وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿۶۶﴾
- [S. al-Nisā' (4)]

80. Barangsiapa yang menta'ati Rasul itu, sesungguhnya ia telah menta'ati Allah. Dan barangsiapa yang berpaling (dari keta'atan itu), maka Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka<sup>321</sup>).

﴿مَنْ طِيعَ الرَّسُولَ فَقَدْ طِيعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّى مَاءً  
أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ حَافِظًا﴾

81. Dan mereka (orang-orang munafik) mengatakan: "(Kewajiban kami hanyalah ta'at)". Tetapi apabila mereka telah pergi dari sisimu, sebahagian dari mereka mengatur siasat di malam hari (mengambil keputusan) lain dari yang telah mereka katakan tadi. Allah menulis siasat yang mereka atur di malam hari itu, maka berpalinglah kamu dari mereka dan tawakallah kepada Allah. Cukuplah Allah menjadi Pelindung.

﴿وَيَقُولُونَ مَا نَعْنَاهُ قَارِعًا بِرِزْوَانٍ مِنْكَ بَيْنَ ظَهْرَانِهِ  
مُتَّبِعِينَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّهُمْ كَانُوا فِيكُمْ سَائِرِينَ  
فَأَعْرَضْنَا عَنْهُمْ وَرَوَّكُنَّا عَلَى اللَّهِ وَكُنَّا بِاللَّهِ  
وَكِينًا﴾

[S. al-Nisā' (4)]

95. Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu membunuh binatang buruan<sup>336</sup>, ketika kamu sedang ihram. Barangsiapa di antara kamu membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya ialah mengganti dengan binatang ternak seimbang dengan buruan yang dibunuhnya, menurut putusan dua orang yang adil di

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْتُلُوا السَّيِّئَةَ وَأَنْتُمْ مُحْرَمُونَ  
وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمَّدًا فَجَاءَهُ مِثْلُ مَا قَتَلَ  
مِنَ النَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ

antara kamu sebagai had-ya<sup>337</sup>) yang dibawa sampai ke Ka'bah<sup>338</sup>), atau (dendanya) membayar kaffarat dengan memberi makan orang-orang miskin<sup>339</sup>), atau berpuasa seimbang dengan makanan yang dikeluarkan itu<sup>340</sup>), supaya dia merasakan akibat yang buruk dari perbuatannya. Allah telah mema'afkan apa yang telah lalu<sup>341</sup>). Dan barangsiapa yang kembali mengerjakannya, niscaya Allah akan menyiksanya. Allah Maha Kuasa lagi mempunyai (kekuasaan untuk) menyiksa.

بَيْنَكُمْ هَذَا الْمِغْ الْكَتَبَةِ أَوْ كَفَّرَهُ كِفْئًا  
مِمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ذَلِكَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ  
وَمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ عَنِ اللَّهِ عَمَاتٌ وَمَنْ مَادَّ يَدَيْهِمْ مِنْهُ  
وَأَنَّهُ يَنْزِلُهُمْ ذَوَاتِ شَيْءٍ﴾

[S. al-Mā'idah (5)]

12. Mengapa kami tidak akan bertawakkal kepada Allah padahal Dia telah menunjukkan jalan kepada kami, dan kami sungguh-sungguh akan bersabar terhadap gangguan-gangguan yang kamu lakukan kepada kami. Dan hanya kepada Allah saja orang-orang yang bertawakkal itu, berserah diri"

﴿وَمَا آتَاكَ اللَّهُ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَظَهَرَ هَذَا سَبِيلَنَا  
وَلَنْصَبِينَ عَلَى مَا آتَيْنَا وَمَا عَلَى اللَّهِ فَتَوَكَّلْ  
الْمُتَوَكِّلُونَ﴾

[S. Ibrāhīm (14)]

20. Hai orang-orang yang beriman, ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berpaling dari pada-Nya, sedang kamu mendengar (perintah-perintah-Nya),

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اطِيعُوا اللَّهَ وَاطِيعُوا رَسُولَهُ وَلَا تَوَلَّوْا عُنُقَهُ وَآتَاكُمْ نَسْمُونٌ ۝﴾

21. dan janganlah kamu menjadi sebagai orang-orang (munafik) yang berkata: "Kami mendengarkan<sup>603</sup>), padahal mereka tidak mendengarkan.

﴿ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ قَالُوا سَمِعْنَا وَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ۝﴾

22. Sesungguhnya binatang (makhluk) yang seburuk-buruknya pada sisi Allah ialah orang-orang yang pekak dan tuli<sup>604</sup>) yang tidak mengerti apa-apapun.

﴿ إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الصُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِينَ لَا يَسْمَعُونَ ۝﴾

[S. al-Anfāl (8)]

23. Kalau kiranya Allah mengetahui kebaikan ada pada mereka, tentulah Allah menjadikan mereka dapat mendengar. Dan jikalau Allah menjadikan mereka dapat mendengar, niscaya mereka pasti berpaling juga, sedang mereka memalingkan diri (dari apa yang mereka dengar itu).

﴿ وَلَوْ عِلَّمِ اللَّهُ خَيْرَ الْأَشْيَاءِ لَوَاسَّمِعْتُمْ لَهُمْ لَوَاسَّمِعْتُمْ ۝﴾

*Kewajiban menta'ati perintah Allah dan Rasul-Nya.*

24. Hai orang-orang yang beriman, penuhilah seruan Allah dan seruan Rasul apabila Rasul menyeru kamu kepada suatu yang memberi kehidupan kepada kamu<sup>605</sup>), dan ketahuilah bahwa sesungguhnya Allah melindungi antara manusia dan hatinya<sup>606</sup>) dan sesungguhnya kepada-Nyalah kamu akan dikumpulkan.

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَ الَّذِينَ وَرَاءَ قُلُوبِهِمْ وَأَنَّهُ إِلَى اللَّهِ يَمْتَسِرُونَ ۝﴾

25. Dan peliharalah dirimu dari pada siksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kamu. Dan ketahuilah bahwa Allah amat keras siksaan-Nya.

﴿ وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا سَائِرًا ۝﴾

[S. al-Anfāl (8)]

46. Dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

﴿ وَاطِيعُوا اللَّهَ وَاطِيعُوا رَسُولَهُ وَلَا تَتَّبِعُوا الْأَفْئِدَةَ الَّتِي فِيكُمْ وَتَذَهَبَ بِكُمْ فَأَنْتُمْ تُنْفِرُونَ ۝﴾

[S. al-Anfāl (8)]

51. Sesungguhnya jawaban orang-orang mu'min, bila mereka dipanggil kepada Allah dan rasul-Nya agar rasul menghukum (mengadili) di antara mereka<sup>1046</sup> ialah ucapan." "Kami mendengar, dan kami patuh." Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.

﴿ إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝ ﴾

52. Dan barangsiapa yang taat kepada Allah dan rasul-Nya dan takut kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya, maka mereka adalah orang-orang yang mendapat kemenangan<sup>1047</sup>.

﴿ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشِ اللَّهَ الَّذِي يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَهْدِي مَا يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ۝ ﴾  
[S. al-Nūr (24)]

54. Katakanlah: "Ta'atlah kepada Allah dan ta'atlah kepada rasul; dan jika kamu berpaling maka sesungguhnya kewajiban rasul itu adalah apa yang dibebankan kepadanya, dan kewajiban kamu sekalian adalah semata-mata apa yang dibebankan kepadamu. Dan jika kamu ta'at kepadanya, niscaya kamu mendapat petunjuk. Dan tidak lain kewajiban rasul itu melainkan menyampaikan (amanat Allah) dengan terang."

﴿ قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكُمْ مَآخِذُ مَا كُفَرْتُمْ بِنِعْمَةِ اللَّهِ وَإِن تَصْطَلِحُوا يَهْدِكُمْ وَأَوْسَعَ عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا أَلْبَسَ الْمُشْرِكِينَ ۝ ﴾

[S. al-Nūr (24)]

33. Hai orang-orang yang beriman, ta'atlah kepada Allah dan ta'atlah kepada rasul dan janganlah kamu merusakkan (pahala) amal-amalmu.

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبَدِّلُوا أَعْمَالَكُمْ ۝ ﴾

[S. Muhammad (47)]

11. Tidak ada sesuatu mushibahpun yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah; Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah, niscaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

﴿ مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ يُحِبِّبْ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝ ﴾

[S. al-Taghābun (64)]

12. Dan ta'atlah kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul, jika kamu berpaling maka sesungguhnya kewajiban Rasul Kami hanyalah menyampaikan (amanat Allah) dengan terang.

﴿ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ سُنُوفِنَا الْعَذَابُ ۝ ﴾

[S. al-Taghābun (64)]

152. Dan sesungguhnya Allah telah memenuhi janji-Nya kepada kamu, ketika kamu membunuh mereka dengan izin-Nya sampai pada sa'at kamu lemah dan berselisih dalam urusan itu<sup>237)</sup> dan mendurhakai perintah (Rasul) sesudah Allah memperlihatkan kepadamu apa yang kamu sukai<sup>238)</sup>. Di antaramu ada orang yang menghendaki dunia dan di antara kamu ada orang yang menghendaki akhirat. Kemudian Allah memalingkan kamu dari mereka<sup>239)</sup> untuk menguji kamu; dan sesungguhnya Allah telah mema'afkan kamu. Dan Allah mempunyai karunia (yang dilimpahkan) atas orang-orang yang beriman.

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذْ تَحَضَّرْتُمْ  
 يَدَيْهِمْ إِذْ أَنْتُمْ مَخْفُونَ  
 وَعَصَيْتُمْ مِنْ بَعْدِ مَا أَرْسَلَكُمْ أَنْ تُحِبُّوا  
 مَنْ يَرِيدُ اللَّهُ النَّبِيَّ وَمِنْكُمْ يُذِيقُ الْآخِرَةَ  
 لِمَنْ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ  
 وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

[S. āli 'Imrān (3)]

4. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kokoh.

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ  
 مُسَلِّحِينَ فِي بَرٍّ أَوْ بَحْرٍ  
 بِمَنْ قَرَّبُوا

[S. al-Sāf (61)]